



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM PENGURUSAN PERUBAHAN *DIGITAL GOVERNMENT COMPETENCY AND CAPABILITY READINESS (DGCCR) SEKTOR AWAM BAGI ZON SABAH***

---

**KOTA KINABALU:** Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan bin Dolah meminta semua penjawat awam sentiasa bersiap siaga bagi mendepani tsunami digital yang kini telah mengubah landskap Perkhidmatan Awam.

Bagi memastikan mereka sentiasa bersedia dengan ledakan teknologi baharu ini, penjawat awam di pelbagai peringkat dan merentasi skim perlu diberi pendedahan serta dilengkапkan dengan keupayaan dan kemahiran digital.

*Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR)* Sektor Awam merupakan satu inisiatif Kerajaan yang dirangka untuk membangunkan kompetensi dan keupayaan digital penjawat awam dalam usaha memberi penyampaian perkhidmatan digital yang terbaik kepada rakyat.

Rangka DGCCR ini memberi penekanan kepada pemantapan lapan (8) keupayaan individu dan juga 17 keupayaan organisasi yang diharapkan dapat menghasilkan pegawai awam yang berpengetahuan dan *future proof* bagi menghadapi keperluan *the Future of Work*.

“DGCCR dirangka untuk berupaya membawa perubahan secara efektif dan menyumbang ke arah kecemerlangan sesebuah organisasi melalui penjawat awam yang berminda digital. Ini seterusnya akan memberikan impak yang tinggi terhadap kualiti perkhidmatan yang bertepatan dengan keperluan rakyat.

“Bagi menggerak dan memastikan semua penjawat awam di seluruh Negara mendapat maklumat mengenai pelaksanaan DGCCR ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah merancang beberapa siri jerayawara bagi memastikan inisiatif ini dapat disebarluas dan memberikan manfaaat kepada semua penjawat awam. Negeri Sabah adalah negeri pertama yang telah dipilih untuk pelaksanaan siri jerayawara ini,” kata Datuk Seri Borhan dalam ucapan beliau semasa Majlis Penutup Program Pengurusan Perubahan DGCCR Sektor Awam bagi Zon Sabah di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah.

Program kerjasama strategik di antara JPA, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah yang berlangsung selama satu setengah hari ini telah dihadiri oleh 500 peserta daripada pelbagai Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Sabah termasuk barisan panel forum yang terdiri daripada JPA, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah, Frost & Sullivan, Air Asia dan TMOne.

#####

### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 17 Mei 2019  
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 ( 42 )